

14 DEC 1998

MAHATHIR BERTEMU HUN SEN, PHAN VAN KAI

HANOI, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertemu dengan rakan-rakan sejawatannya dari Kemboja dan Vietnam beberapa jam selepas tiba di sini untuk menghadiri sidang kemuncak Asean keenam yang bermula esok.

Perdana Menteri Kemboja Hun Sen mengunjungi Dr Mahathir di hotel di mana pemimpin Malaysia itu menginap.

Ini adalah pertemuan kali pertama antara Hun Sen dan Dr Mahathir sejak penubuhan kerajaan campuran yang baru di Phnom Penh dengan diketuai oleh Hun Sen.

Kedua-dua mereka enggan bercakap mengenai perbincangan mereka.

Harapan Kemboja untuk menyertai Asean sekarang berada di dalam tangan para pemimpin Asean selepas para menteri luar gagal mencapai kata sepakat mengenai kemasukannya pada mesyuarat mereka Jumaat lepas.

Malaysia dan Vietnam adalah antara negara yang dilaporkan memihak kepada kemasukkan Kemboja yang segera ke dalam Asean. Tahun lepas kemasukan Kemboja ditunda berikutan perebutan kuasa di Phnom Penh.

Dr Mahathir kemudiannya mengunjungi Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai di pejabatnya.

Di antara kedua-dua pertemuan itu, Dr Mahathir sempat meluangkan masa untuk melawat Eksposisi Asean '98 di Dewan Pameran Giang Vo sempena dengan Vietnam menjadi tuan rumah kepada sidang kemuncak itu kali ini selama dua hari.

-- BERNAMA  
MAM WAT